

FAKTOR PERKEMBANGAN GABUNGAN PILIHAN RAYA BERSIH DAN ADIL (2006 – 2017)

***DEVELOPMENT FACTORS OF THE COALITION CLEAN AND FAIR
ELECTION (2006-2017)***

Margaret Chin Kah Mun¹

Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI.

(Email: margareetchinkahmun@gmail.com)

Siti Noranizahhafizah Boyman²

Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI.

(Email: noranizah@fsk.upsi.edu.my)

Received date: 26-08-2019

Revised date : 22-09-2019

Accepted date: 11-10-2019

Published date: 05-12-2019

To cite this document: Margaret, C. K. M., & Boyman, S. N. (2019). Faktor Perkembangan Gabungan Pilihan Raya Bersih Dan Adil (2006-2017). *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 77-94.

DOI: 10.35631/ijhpl.28006

Abstrak: Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) telah ditubuhkan pada tahun 2006. Sejak tahun 2007, BERSIH telah mengadakan perhimpunan awam sebanyak lima kali. BERSIH dikatakan telah menandakan lembaran baru terhadap sistem demokrasi di Malaysia dan memperjuangkan pembaharuan dalam sistem demokrasi terutamanya ketelusan sistem pilihan raya dan pentadbiran. Kajian bertujuan untuk mengenal pasti faktor perkembangan BERSIH pada tahun 2006 hingga 2017. Kaedah kualitatif khususnya temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen telah digunakan untuk melengkapkan kajian ini. Sebanyak tujuh orang informan telah dipilih dalam kalangan pihak pengajur perhimpunan BERSIH, ahli politik serta ahli akademik dalam kajian ini. Hasil kajian ini mendapati bahawa perkembangan BERSIH didorong oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Antara faktor dalaman perkembangan BERSIH adalah kepimpinan organisasi dan pengintegrasian organisasi BERSIH. Manakala, faktor luaran seperti pembukaan ruang demokrasi, perubahan landskap politik Malaysia dan penggunaan media sosial yang pesat juga penting dalam mengerakkan perkembangan BERSIH. Faktor-faktor yang dikenal pasti seperti di atas telah menyebabkan perkembangan yang ketara dalam BERSIH selama 11 tahun penubuhannya. Secara keseluruhannya, perhimpunan BERSIH juga mendorong implikasi positif dalam pendemokrasian Malaysia dan pembaharuan sistem pilihan raya serta institusi awam Malaysia.

Kata Kunci: Gabungan Pilihan Raya Bersih Dan Adil (BERSIH); Perhimpunan Awam; Faktor Perkembangan; Reformasi; Sistem Pilihan Raya

Abstract: The Coalition for Clean and Fair Elections (BERSIH) was established in 2006. Since 2007, BERSIH has held five public assemblies. BERSIH has marked a new chapter in the democratic system of Malaysia and strives to fight for a reformation in the Malaysian democracy, particularly in ensuring the transparency of the electoral system and administration. This research is conducted to identify factors that lead to BERSIH's development from year 2006 to 2017. Semi-structured interviews and document analysis in qualitative discipline have been used to complete the research. A total of seven informants have been chosen among the organizers of BERSIH rallies, politicians and academics in this research. The results of this study found that BERSIH's development was driven by internal factors and external factors. Among the internal factors are organizational leadership and organizational integration. Whereas external factors of BERSIH development are expansion of democratic space, changing of Malaysia's political landscape and rapid use of social media. The factors identified above have resulted in significant developments in BERSIH for 11 years from its inception. Overall, the Bersih rally also has a positive implication in the democratization of Malaysia and the reform of the electoral system and public institutions in Malaysia.

Keywords: Coalition For Clean And Fair Elections (BERSIH), Public Assembly, Developmental Factor, Reform, Electoral System

Pengenalan

BERSIH merupakan gabungan daripada 93 buah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan pilihan raya yang bersih dan adil di Malaysia (www.bersih.org, 2016a). BERSIH adalah lanjutan daripada *Joint Action Committee for Electoral Reform* (JACER) atau dikenali sebagai Jawatankuasa Bertindak Bersama yang ditubuhkan pada tahun 2005 (Khoo, 2014a). JACER melibatkan lima buah parti politik, iaitu Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP). Selain itu, gabungan JACER juga melibatkan sebanyak 26 organisasi masyarakat sivil di Malaysia. Namun, dominasi parti politik ke atas JACER telah ditarik keluar untuk menjadikan BERSIH sebagai sebuah gabungan organisasi yang diasaskan oleh jawatankuasa pemandu (*steering committee*) daripada wakil parti politik dan NGO, iaitu Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Women's Development Collective (WDC) dan Writers Alliance for Media Independence (WAMI).

Penubuhan BERSIH telah diumumkan secara rasmi pada 23 November 2006 di lobi Bangunan Parlimen Malaysia (www.bersih.org, 2006). Selepas perasmianya, BERSIH telah mengadakan perhimpunan awam yang pertama pada tahun yang berikutnya, iaitu pada 10 November 2007. Selepas itu, BERSIH mengadakan perhimpunan awam BERSIH bersiri yang tidak berkala sehingga tahun 2016. Pada tahun 2007 hingga 2015, perhimpunan awam BERSIH telah diadakan sebanyak 5 kali pada tahun 2007 (BERSIH 1.0), 2011 (BERSIH 2.0), 2012 (BERSIH 3.0) dan 2015 (BERSIH 4.0). Tujuan utama siri perhimpunan BERSIH adalah untuk mewujudkan sistem pilihan raya yang adil tanpa memihak mana-mana parti politik. Sebanyak 8 tuntutan yang digariskan sejak perhimpunan BERSIH 1.0 sehingga perhimpunan BERSIH 5.0, iaitu mengemas kini senarai undi, mereformasi undi pos, gunakan dakwat kekal, tempoh kempen minimum 21 hari, akses media yang bebas dan adil, kukuhkan institusi awam, hentikan rasuah dan hentikan politik kotor (www.bersih.org, 2016b). Dapat dikatakan BERSIH merupakan organisasi yang paling lama dapat menganjurkan perhimpunan walaupun tidak

berkala sehingga tahun 2016. Oleh itu, artikel ini akan menyelidiki faktor-faktor perkembangan BERSIH daripada 2006 hingga 2017.

Gerakan Sosial Awal di Malaysia

Gerakan sosial di Malaysia telah mengalami perkembangan yang ketara sebelum kemerdekaan sehingga masa kini. Perkembangan gerakan sosial di Malaysia adalah selaras dengan model perkembangan Kaldor (2003) yang mengemukakan tiga gelombang perkembangan. Gelombang pertama yang dikenali sebagai gerakan sosial anti-kolonial dikatakan berpotensi untuk mentransformasikan organisasi mereka sebagai parti politik. Selain itu, gelombang seterusnya iaitu gerakan sosial baru -dicetuskan oleh kekecewaan politik oleh golongan berpendidikan kelas menengah. Gerakan sosial baru ini memperjuangkan secara berpusat dan berstruktur selaras dengan proses modenisasi. Secara ringkasnya, gerakan sosial baru bawah gelombang perkembangan kedua adalah lebih bersifat nasional yang merangkumi semua etnik untuk memperjuangkan kepentingan sejagat. Kemudian, gelombang ketiga merupakan gabungan gelombang pertama dan kedua dengan berorientasikan unsur gerakan sosial baru yang merangkumi gerakan kumpulan akar umbi (Kaldor, 2003). Gerakan anti-globalisasi bawah gelombang ketiga adalah disebabkan oleh perkembangan teknologi dan proses globalisasi yang pesat. Justeru, gerakan anti-globalisasi diadakan untuk memperjuangkan kepentingan golongan yang ditindas oleh proses globalisasi seperti petani, orang asli tempatan dan ahli agama. Namun begitu, gerakan sosial di Malaysia mengalami perkembangan gelombang pertama dan kedua, iaitu gerakan anti-kolonial dan gerakan sosial baru.

Pada tahun 1940-an hingga 1960-an, gerakan sosial di Malaysia adalah berorientasikan etnik dan kesatuan pekerja (Brown, 2004; Kartini, 2012). Keadaan ini jelas dilihat kerana wujudnya pelbagai pertubuhan yang berorientasikan etnik pada zaman memperjuangkan kemerdekaan seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) (Ramlah, 2004). Selain itu, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Malaya (MIC) turut ditubuhkan pada pertengahan 1940-an sebagai wakil etnik majoriti masing-masing dan kemudiannya dijadikan parti politik (Ishak Saat, 2010). Penentangan *Malayan Union* yang bertujuan untuk mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu juga meninggalkan titik signifikan dalam lembaran sejarah Malaysia (Vejai, 1997). Selain itu, golongan pekerja juga melakukan penentangan terhadap layanan penjajah British yang kurang memuaskan melalui penubuhan gerakan pekerja dan mencapai kemuncaknya menjelang tahun 1947 (Faridahwati, 2001). Gerakan sosial yang tercetus menjelang 13 Mei 1969 telah menggambarkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan rakyat atas jurang ekonomi antara kaum yang diakibatkan oleh pelaksanaan dasar pecah dan perintah (Kua, 2008). Seterusnya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan sebagai tindakan susulan bagi mengatasi masalah jurang ekonomi kaum untuk menenangkan ketegangan kaum.

Gerakan pelajar mencatatkan titik permulaan gelombang gerakan sosial baru di Malaysia (Weiss, 2005 : Riduan, 2012). Pada dekad 1970-an hingga 1990-an, pertubuhan ABIM telah memainkan peranan sebagai penyumbang demokrasi Malaysia dengan mengkritik tindakan kerajaan dan menentang dasar kerajaan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Selain itu, ABIM turut menentang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 3 Disember 1974 yang melibatkan 5000 orang mahasiswa dan kemudiannya berperanan sebagai gerakan aktivis apabila berlakunya peristiwa Reformasi (Saifuddin, 2009; Mazlee, 2014). Gerakan Reformasi yang berlaku pada tahun 1998 menandakan perkembangan yang signifikan dalam gerakan sosial di Malaysia. Menurut Zawiyah *et. al.* (2015), gerakan Reformasi diadakan untuk

menentang keputusan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Seterusnya, BERSIH ditubuhkan pada tahun 2006 dan melancarkan perhimpunan BERSIH pertamanya pada tahun 2007 telah menandakan lembaran baru perkembangan gerakan sosial di Malaysia. Penubuhan BERSIH adalah berasaskan empat faktor utama, iaitu ketidaktelusan sistem pilihan raya, pemerintahan Tun Abdullah Badawi, ketidakpuasan hati rakyat terhadap kerajaan dan kewujudan media alternatif (Khoo, 2014a). Pertubuhan BERSIH juga telah mengalami transformasi daripada sebuah pertubuhan yang berpihak dengan parti pembangkang dan menyusun semula organisasinya dengan menarik keluar penglibatan ahli politik dan turut menjadikan BERSIH sebuah pertubuhan yang bersifat *non-partisan*. Sehingga kini, BERSIH telah menganjurkan perhimpunan awam sebanyak lima kali. Menurut Smeltzer & Paré (2015), BERSIH memainkan peranan dalam memperluaskan ruang demokrasi di Malaysia dan mempunyai pengaruh terhadap keputusan PRU tahun 2008 dan 2013. Selain itu, wadah internet yang digunakan oleh BERSIH untuk tujuan penyebaran maklumat telah membawa impak positif terhadap penganjuran perhimpunan kerana berjaya menarik peserta ke perhimpunan BERSIH (Radue, 2012 : Postill, 2014). Perkembangan BERSIH telah menunaikan peranan masyarakat sivil selaras dengan pernyataan Weiss (2009) yang mengatakan bahawa masyarakat sivil adalah berpotensi untuk mempengaruhi keputusan pilihan raya dan memberi perubahan terhadap sistem politik Malaysia.

Selain itu, terdapat juga perhimpunan HINDRAF yang dianjurkan pada 25 November 2007 mengemukakan memorandum tentang 18 perkara kepada Suruhanjaya Tinggi Britain yang berkaitan dengan penindasan kaum India di Malaysia yang dibawa masuk oleh penjajah British (www.malaysiakini.com, 2007; Sivachandalingam *et. al.*, 2013). Perhimpunan tersebut dianjurkan oleh Gerakan Tindakan Hak Asasi Hindu (HINDRAF) yang melibatkan 30 NGO Hindu. Kemudian pada tahun 2014, rakyat Malaysia juga mula menunjukkan suara bantahan mereka terhadap dasar kerajaan melalui perhimpunan awam. Perkara ini jelas dilihat melalui penganjuran perhimpunan anti-GST pada 1 Mei 2014, iaitu setahun sebelum pelaksanaan GST pada 1 April 2015 di Malaysia. perhimpunan anti-GST bertujuan untuk memberi desakan kepada kerajaan supaya membatalkan rancangan pelaksanaan GST pada tahun berikutnya (Cheng, 2014). Kekuatan masyarakat sivil mula ditonjolkan melalui perhimpunan anti-GST. Hal ini adalah kerana perhimpunan anti-GST telah mendapat sokongan daripada pelbagai pertubuhan, termasuk NGO dan parti politik seperti Himpunan Hijau, Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan Pakatan Rakyat (www.thestar.com.my, 2014).

Sebagai intiha, gerakan sosial di Malaysia telah berkembang selaras dengan gelombang pertama dan kedua dalam model perkembangan gerakan sosial oleh Kaldor (2003). Perkembangan gerakan sosial di Malaysia bermula pada pra kemerdekaan hingga masa kini. Antaranya, perhimpunan BERSIH merupakan gerakan sosial yang paling signifikan pada kebelakangan ini. Berdasarkan kajian lepas, BERSIH menunjukkan pola perkembangan positif serta mampu memberi impak positif terhadap sistem demokrasi di Malaysia. Justeru, faktor pendorong perkembangan BERSIH perlu dikenal pasti untuk mengesan kunci berjaya di belakang penganjuran perhimpunan awam BERSIH.

Perkembangan Perhimpunan Bersih

Perhimpunan BERSIH berkembang secara dinamik dalam tempoh 10 tahun sejak tahun 2007 hingga 2016. Sepanjang 10 tahun, BERSIH telah mengadakan sebanyak lima kali perhimpunan awam. Namun, tarikh penganjuran perhimpunan BERSIH adalah tidak berkala. Sementara itu, tempat penganjuran perhimpunan BERSIH adalah bertempat di sekitar kawasan Kuala Lumpur. Namun begitu, pihak penganjuran juga menunjukkan usahanya untuk memperluaskan kawasan

penganjuran perhimpunan BERSIH seperti yang dijelaskan lebih lanjut dalam bahagian yang seterusnya. Dari segi penyertaan pula, didapati bahawa perhimpunan BERSIH telah mendapat sambutan dalam kalangan rakyat memandangkan bilangan peserta yang semakin meningkat dan mencecah 500, 000 orang pada BERSIH 4.0.

Jadual 1. Perhimpunan BERSIH

| Perhimpunan | Tarikh penganjuran | Pengerusi semasa |
|-------------|--------------------|---------------------|
| BERSIH 1.0 | 10 November 2007 | Ambiga Sreenevasan |
| BERSIH 2.0 | 9 Julai 2011 | Ambiga Sreenevasan |
| BERSIH 3.0 | 28 April 2012 | Ambiga Sreenevasan |
| BERSIH 4.0 | 29-30 Ogos 2015 | Maria Chin Abdullah |
| BERSIH 5.0 | 19 November 2016 | Maria Chin Abdullah |

Sumber : www.bersih.org, 2007 ; 2011; 2012; 2015; 2016.

Perhimpunan BERSIH kali pertama yang bertema “Selamatkan Malaysia” diadakan pada 10 November 2007. Penganjuran perhimpunan ini dijalankan dengan kerjasama 64 buah organisasi¹ termasuk NGO, kesatuan sekerja, persatuan mahasiswa dan parti politik pembangkang (www.bersih.org, 2007). Perhimpunan tersebut diadakan di Kuala Lumpur dengan tujuan utama memperjuangkan reformasi dalam sistem pilihan raya Malaysia. Penganjur BERSIH juga mengemukakan memorandum tentang tuntutan pilihan raya yang bersih dan adil kepada Yang di-Pertuan Agong. Perhimpunan BERSIH ini berjaya menarik penyertaan seramai 40,000 orang (www.bersih.org, 2007). Sebanyak empat tuntutan BERSIH 1.0 telah digariskan melalui pernyataan media BERSIH pada 22 Oktober 2007 (www.bersih.org, 2007).

Jadual 2. Tuntutan Perhimpunan BERSIH 1.0

| Bil. | Tuntutan |
|------|---|
| 1 | Penyemakan semula daftar pemilih |
| 2 | Penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya |
| 3 | Pemansuhan sistem pengundian pos untuk pihak polis dan tentera |
| 4 | Akses media yang adil kepada semua parti politik dalam pilihan raya |

Sumber : www.bersih.org, 2007.

Penganjur BERSIH 1.0 menentukan sebanyak empat tempat berkumpul, iaitu Masjid Jamek, Masjid Negara, Pusat Membeli-belah Sogo dan Pasar Seni (www.bersih.org, 2006). Peserta BERSIH 1.0 mengadakan perarakan dari Masjid Negara ke Istana Negara untuk mengemukakan memorandum tentang tuntutan pilihan raya yang bersih dan adil kepada Yang di-Pertuan Agong. Memorandum tersebut dihantar oleh wakil yang terdiri daripada parti politik pembangkang, iaitu Abdul Hadi Awang (wakil PAS), Nasharuddin Mat Isa (wakil PAS), Lim Kit Siang (wakil DAP), Lim Guan Eng (wakil DAP) dan Anwar Ibrahim (wakil PKR). Pada perhimpunan BERSIH 1.0, seramai 34 peserta perhimpunan ditahan oleh pihak polis dan peserta lain dilontarkan gas pemedih mata dan meriam air turut digunakan untuk menyuraikan perhimpunan tersebut (www.bersih.org, 2007; Jalil, 2007). Perhimpunan BERSIH 1.0 mencatatkan titik permulaan siri perhimpunan BERSIH yang menuntut sistem pilihan raya yang bersih dan adil. Perkara ini turut menarik perhatian dalam kalangan rakyat dan berjaya membekalkan platform kepada rakyat untuk menyalurkan perasaan ketidakpuasan hati kepada pihak kerajaan. Secara keseluruhannya, perhimpunan BERSIH 1.0 berjaya menarik seramai 40,000 peserta.

Perhimpunan BERSIH 2.0 merupakan perhimpunan BERSIH dalam siri kedua bertemakan “Walk for Democracy”. Perhimpunan ini diadakan pada 9 Julai 2011, iaitu selepas tiga tahun daripada perhimpunan pertama untuk menuntut pembaharuan sistem pilihan raya sebelum PRU ke-13 diadakan. Selain itu, perhimpunan BERSIH 2.0 diadakan bawah kepimpinan penganjur yang telah disusun semula, iaitu keahlian parti politik telah ditarik keluar daripada jawatankuasa pemandu BERSIH. Tujuan penyusunan semula organisasi BERSIH adalah untuk menjadikan BERSIH sebagai sesbuah gabungan organisasi yang bersifat bebas daripada parti politik (*non-partisan*). Seterusnya, barisan penganjur perhimpunan BERSIH dinamakan sebagai BERSIH 2.0 selepas penyusunan semula organisasi. Lapan tuntutan telah dikemukakan melalui perhimpunan BERSIH 2.0, iaitu empat tuntutan asal yang dikenali semasa perhimpunan BERSIH 1.0 dan empat tuntutan tambahan telah digariskan melalui BERSIH 2.0. Antara tuntutan yang ditambahkan adalah tempoh berkempen sekurang-kurangnya 21 hari, memperkuuhkan institusi awam, hentikan rasuah dan hentikan politik kotor. Pada perhimpunan BERSIH 2.0, sebanyak 50,000 orang telah menyertai perhimpunan BERSIH 2.0 dan angka ini juga menunjukkan pola meningkat berbanding dengan perhimpunan BERSIH 1.0. Di samping itu, perhimpunan BERSIH 2.0 juga disokong oleh warganegara Malaysia di 32 buah negara luar² dengan mengadakan perhimpunan yang sama secara serentak (www.bersih.org, 2011). Perkara ini merupakan perubahan yang signifikan kerana perhimpunan BERSIH 2.0 lebih bersifat global³ dan popularitinya meningkat dalam kalangan rakyat berbanding dengan perhimpunan BERSIH 1.0.

Jadual 3. Tuntutan Perhimpunan BERSIH 2.0

| Bil. | Tuntutan |
|------|---|
| 1 | Penyemakan semula daftar pemilih |
| 2 | Penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya |
| 3 | Pemansuhan sistem pengundian pos untuk pihak polis dan tentera |
| 4 | Akses media yang adil kepada semua parti politik dalam pilihan raya |
| 5 | Tempoh berkempen pilihan raya sekurang-kurangnya 21 hari |
| 6 | Memperkuuhkan institusi awam |
| 7 | Hentikan rasuah |
| 8 | Hentikan politik kotor |

Sumber : www.bersih.org, 2011.

Walau bagaimanapun, BERSIH 2.0 masih dianggap sebagai perhimpunan haram oleh kerajaan kerana tidak mendapat permit berhimpun seperti keadaan perhimpunan BERSIH 1.0. Perkara ini telah menyulitkan prosedur penganjuran dan telah menghalang penglibatan peserta terhadap perhimpunan tersebut melalui sekatan jalan raya untuk menghalang individu yang berpakaian warna kuning daripada menuju ke Kuala Lumpur pada hari penganjuran perhimpunan BERSIH 2.0. Pada 9 Julai 2011, pihak polis juga menahan sebanyak 1667 peserta sepanjang perhimpunan BERSIH 2.0 dijalankan (www.bersih.org, 2011 ; SUARAM, 2011). Pada perhimpunan tersebut juga, dikatakan gas pemedih mata dan meriam air digunakan untuk menyuraikan peserta perhimpunan BERSIH 2.0 (www.bersih.org, 2011, Niluksi & Razak, 2011). Penganjuran perhimpunan BERSIH 2.0 telah menunjukkan beberapa perubahan yang signifikan terutamanya dalam pengaturan dan pelaksanaan perhimpunan. Perubahan tersebut antaranya barisan pemimpin yang bebas daripada dominasi parti politik dan penambahan tuntutan perhimpunan BERSIH. Selain itu, perhimpunan BERSIH 2.0 lebih berskala besar berbanding dengan perhimpunan lepas kerana ia lebih bersifat global melalui penganjuran perhimpunan BERSIH 2.0 secara serentak di luar negara untuk membolehkan penglibatan rakyat Malaysia yang berada di tempat tersebut.

Siri perhimpunan yang seterusnya ialah BERSIH 3.0, BERSIH 3.0 diadakan dengan kerjasama 84 NGO⁴ pada 28 April 2012 (www.bersih.org, 2012). Tujuan utama mengadakan perhimpunan ini adalah disebabkan oleh kebimbangan bahawa tiada pembaharuan tuntutan yang dipenuhi untuk PRU akan datang selepas Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (JPKPPP) mengemukakan Laporan Penambahbaikan Pilihan Raya pada awal bulan April 2012. Justeru, satu lagi perhimpunan untuk mendesak reformasi pilihan raya, iaitu siri perhimpunan BERSIH 3.0 yang bertema “Duduk Bantah”⁵ dengan menyenaraikan lapan tuntutan yang sama seperti dalam perhimpunan BERSIH 2.0. Pengekalan lapan tuntutan tersebut pada perhimpunan BERSIH 3.0 adalah untuk menekankan pembaharuan yang disenaraikan melalui tuntutan-tuntutan tersebut kerana tiada sebarang tuntutan yang direalisasikan sehingga pengajuran perhimpunan BERSIH 3.0. Manakala dari segi lokasi, perhimpunan BERSIH 3.0 bukan sahaja bertempat di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, tetapi dijalankan secara serentak di sepuluh kawasan⁶ lain daripada tujuh buah negeri termasuk Sabah dan Sarawak serta 85 bandar⁷ di luar negara. Walau bagaimanapun, perhimpunan BERSIH 3.0 masih tidak diberi permit dan peserta BERSIH 3.0 turut dihalang oleh pihak polis dengan menggunakan gas pemedih mata dan meriam air (Yoon, 2012). Dikatakan lebih daripada 900 das tembakan gas pemedih mata telah digunakan untuk menyuraikan peserta perhimpunan BERSIH 3.0. Selain itu, 512 peserta termasuk Wong Chin Huat, Tian Chua dan Abdul Aziz Bari telah ditahan oleh pihak polis dalam perhimpunan tersebut dan 70 peserta dicedera oleh pihak polis (www.bersih.org, 2012; www.malaysiakini.com, 2012).

Pelaksanaan perhimpunan BERSIH 3.0 hampir sama dengan perhimpunan BERSIH 2.0 kerana tuntutan perhimpunan BERSIH 2.0 dikekalkan dalam perhimpunan BERSIH 3.0. Tambahan pula, tempoh antara dua perhimpunan adalah kurang daripada satu tahun. Namun, perhimpunan BERSIH 3.0 berjaya menarik 250,000 orang peserta, iaitu bilangan yang paling ramai jika dibandingkan dengan perhimpunan lepas yang mencatatkan 40,000 hingga 50,000 orang peserta. Selain itu, matlamat BERSIH adalah lebih jelas selari dengan pengeluaran laporan JPKPPP kerana laporan tersebut telah menyediakan garis paduan penambahbaikan sistem pilihan raya. Oleh itu, perhimpunan BERSIH 3.0 adalah berfungsi untuk mendesak kerajaan untuk mengimplementasikan cadangan dalam laporan tersebut.

Kemudian, selepas tiga tahun iaitu pada 29 Ogos 2015, perhimpunan BERSIH 4.0 yang bertema “Masanya Telah Tiba” atau “*The Time was Come*” diadakan di jalan utama Kuala Lumpur. Perhimpunan BERSIH 4.0 berlangsung selama 34 jam dan bersurai pada malam 30 Ogos 2015 selepas nyanyian Negaraku. Perhimpunan BERSIH 4.0 ini adalah antara perhimpunan yang bertempoh masa paling panjang dalam siri perhimpunan BERSIH untuk menunjukkan keinginan rakyat yang kuat dalam agenda pembaharuan institusi kerajaan. Perhimpunan BERSIH 4.0 dianjurkan selepas pendedahan skandal *1Malaysia Development Berhad* (1MDB) yang melibatkan pengaliran wang kepada akaun peribadi bekas Perdana Menteri. Justeru, tuntutan yang dikemukakan untuk perhimpunan BERSIH 4.0 adalah berorientasikan pembaharuan institusi awam supaya dapat meningkatkan ketelusan pentadbiran di Malaysia. Lima tuntutan yang dikemukakan bagi perhimpunan BERSIH 4.0 telah mengintegrasikan semua tuntutan yang digariskan pada perhimpunan BERSIH yang lalu. Antara tuntutan tersebut ialah , iaitu pilihan raya yang bersih dan adil, kerajaan yang telus, hak untuk membantah, memperkuuhkan demokrasi berparlimen dan menyelamatkan ekonomi. Tuntutan perhimpunan BERSIH 4.0 adalah bersifat umum dan skopnya telah diperluaskan. Oleh itu, BERSIH turut menyenaraikan sepuluh permintaan sebagai garis panduan untuk mencapai lima tuntutan tersebut seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4. Permintaan Pembaharuan Institusi

| Bil. | Permintaan |
|------|---|
| 1 | Penambahbaikan pilihan raya |
| 2 | Menjadikan SPR sebuah badan di bawah Perlembagaan yang bertanggungjawab kepada parlimen |
| 3 | Menghalang Perdana Menteri daripada memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan |
| 4 | Penambahbaikan parlimen |
| 5 | Menjadikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab kepada parlimen |
| 6 | Mengasingkan Peguam Negara daripada tugas dan peranan Pendakwa Raya |
| 7 | Menggubal undang-undang kebebasan maklumat di peringkat persekutuan dan negeri |
| 8 | Menyertai dan penjawat awam tertinggi perlu mengisyiharkan harta |
| 9 | Memansuhkan atau meminda undang-undang zalim |
| 10 | Menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) |

Sumber : www.bersih.org, 2015.

Tuntutan yang dikemukakan pada perhimpunan BERSIH 4.0 merupakan perubahan yang paling signifikan berbanding dengan perhimpunan BERSIH yang lepas. Tuntutan perhimpunan BERSIH 4.0 lebih menumpukan fokus terhadap sistem pentadbiran negara, khususnya isu rasuah yang berleluasa di Malaysia. Dapat dikatakan bahawa tuntutan perhimpunan BERSIH 4.0 telah menjadi lebih kompleks kerana ia bukan sahaja memperkenalkan tuntutan, tetapi juga sepuluh permintaan yang dilihat sebagai garis panduan untuk merealisasikan pembaharuan institusi awam. Selain itu, beberapa perubahan juga dikenal pasti pada perhimpunan BERSIH 4.0 daripada aspek kepimpinan dan pengaturan perhimpunan. Perhimpunan BERSIH 4.0 merupakan perhimpunan pertama yang diadakan selepas perubahan pucuk pemimpin organisasi BERSIH. Perkara ini adalah disebabkan oleh jawatan pengurus BERSIH telah diambil alih oleh Maria Chin Abdullah daripada Ambiga Sreenevasan pada tahun 2013 (Avineshwaran, 2013). Perhimpunan BERSIH 4.0 juga merupakan perhimpunan BERSIH pertama yang dapat dilaksanakan dalam keadaan yang aman dalam siri perhimpunan tersebut. Hal ini kerana perhimpunan BERSIH 4.0 dijalankan tanpa serangan gas pemedih mata dan meriam air sepanjang perhimpunan dijalankan kerana pihak penganjur melaksanakan kawalan keselamatan terhadap peserta perhimpunan awam (www.bersih.org, 2015).

Pada tahun berikutnya, iaitu 19 November 2016, perhimpunan BERSIH 5.0 diadakan di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu (www.bersih.org, 2016). Penentuan tema BERSIH 5.0 “*Combine our energy – New Malaysia*” adalah untuk memberi indikasi bahawa perhimpunan awam BERSIH 5.0 diadakan menjelang sepuluh tahun penubuhan BERSIH. Perubahan yang ketara pada perhimpunan ini adalah cara pelaksanaan perhimpunan BERSIH 5.0 kerana perhimpunan ini bukan hanya diadakan di ibu negara dengan masa yang ditetapkan seperti perhimpunan yang lepas. Sementara itu, perhimpunan BERSIH 5.0 diadakan dengan mengadakan konvoi. Pada pertama kali konvoi ini diadakan, BERSIH telah merentasi sebanyak 246 kawasan bandar dan luar bandar seluruh Malaysia bermula pada 1 Oktober 2016 sehingga tarikh pengajuran perhimpunan BERSIH 5.0 pada 19 November 2016, iaitu sepanjang tujuh minggu. Objektif konvoi diadakan adalah untuk menemui golongan akar umbi di seluruh negara bagi meningkatkan kesedaran mengenai tuntutan BERSIH 5.0 dan menjelaskan krisis 1MDB kepada penduduk di seluruh Malaysia (www.bersih.org, 2016). Pada perhimpunan BERSIH 5.0, terdapat lima tuntutan yang dikemukakan, iaitu empat tuntutan yang sama seperti

dalam perhimpunan BERSIH 4.0 dan satu tuntutan tambahan, misalnya memperkuuh Sabah dan Sarawak.

Perjalanan perhimpunan BERSIH 5.0 adalah dalam keadaan aman. Walau bagaimanapun, BERSIH 5.0 mendakwa bahawa terdapat gangguan daripada penyokong Baju Merah terhadap pihak pengajur BERSIH semasa menjalankan konvoi di seluruh Malaysia (Tan, 2016; Wong, 2016). Perhimpunan BERSIH 5.0 dilihat sebagai siri perhimpunan BERSIH yang amat berbeza dengan perhimpunan yang sebelumnya. Hal ini kerana pihak pengajuran BERSIH telah mengadakan konvoi di kawasan bandar dan luar bandar seluruh negara Malaysia sebelum perhimpunan diadakan pada 19 November 2016 di Kuala Lumpur. Perubahan cara pengajuran ini adalah kerana terdapatnya kritikan masyarakat terhadap BERSIH bahawa perhimpunan yang dianjurkan adalah terlalu bersifat bandar kerana perhimpunan utama tersebut telah diadakan di ibu negara sejak permulaan. Justeru, konvoi diadakan sebelum perhimpunan BERSIH 5.0 untuk membolehkan penglibatan penduduk kawasan luar bandar dalam perhimpunan BERSIH. Selain itu, pihak pengajur BERSIH juga berusaha untuk menghasilkan solidariti antara penduduk kawasan bandar dan luar bandar dalam perjuangan penambahbaikan sistem demokrasi.

Metodologi

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Kaedah temu bual secara bersemuka dilakukan untuk memperoleh pendapat dan pandangan daripada informan kajian. Penyelidik telah memilih sebanyak tujuh orang informan kajian untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Informan kajian adalah terdiri daripada dua orang jawatankuasa pemandu BERSIH, dua orang sekretariat yang menganjurkan BERSIH, seorang ahli akademik yang pernah mengkaji dan mengemukakan artikel tentang perhimpunan BERSIH serta seorang ahli politik daripada parti pemerintah dan seorang ahli politik daripada parti pembangkang.

Jadual 5. Informan Kajian

| Kategori | Peserta Kajian | Jawatan |
|--------------------|----------------|---|
| Jawatankuasa | D | Pengerusi BERSIH 2.0 |
| Pemandu BERSIH | C | Naib pengerusi (Wilayah Tengah) |
| Sekretariat BERSIH | E | Pengurus sekretariat BERSIH |
| | B | Penyelaras Advokasi dan Pendidikan |
| Ahli Politik | A | i. Ahli politik DAP ii. Anggota JPKPPP |
| | G | Ahli politik MCA |
| Ahli Akademik | F | Pensyarah kanan Universiti Malaya |

Sumber : Data Lapangan, 2017.

Pemilihan jawatankuasa pemandu BERSIH, iaitu Informan Kajian C dan D oleh penyelidik adalah untuk mencapai objektif kajian berkaitan dengan faktor perkembangan BERSIH khususnya daripada aspek strategi yang digunakan oleh organisasi BERSIH dan perincian setiap tuntutan yang ditetapkan setiap kali menganjurkan perhimpunan BERSIH. Selain daripada jawatankuasa pemandu, penyelidik juga memilih dua orang daripada lima orang sekretariat organisasi BERSIH sebagai informan kajian. Informan daripada sekretariat organisasi BERSIH dapat memberi maklumat tentang faktor perkembangan organisasi BERSIH dan strategi pelaksanaan setiap perhimpunan awam yang telah diadakan. Penyelidik juga memilih Informan Kajian F yang merupakan pensyarah kanan di Jabatan Pengajian

Antarabangsa dan Strategik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya sebagai salah seorang informan. Pemilihan ini adalah berdasarkan pengalaman penyelidikan dan pengetahuan beliau terhadap perhimpunan awam BERSIH.

Penyelidik melibatkan ahli politik dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat tentang perubahan yang dibawa oleh BERSIH kepada sistem demokrasi Malaysia khususnya sistem pilihan raya. Pemilihan ahli politik sebagai informan kajian adalah untuk mendapatkan pendapat mereka tentang jenis penambahbaikan yang telah berjaya dilaksanakan dalam sistem pilihan raya Malaysia menerusi tuntutan perhimpunan awam BERSIH serta jenis perubahan yang telah memberi impak terhadap sistem demokrasi Malaysia. Pemilihan informan kajian kategori ahli politik daripada MCA dan DAP adalah untuk mendapatkan maklumat yang pelbagai sudut dan tidak berat sebelah. Di samping itu, pemilihan Informan Kajian A sebagai salah seorang peserta kajian ini disebabkan oleh beliau pernah menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Penambahbaikan Pilihan Raya (JPKPPP). Justeru, beliau dapat mengemukakan pendapat daripada aspek penambahbaikan sistem pilihan raya yang perlu ada dalam konteks Malaysia.

Data penyelidikan dianalisis dengan menggunakan perisian elektronik *NVivo Plus versi 11*. Penggunaan *NVivo Plus 11* untuk proses penganalisis data melibatkan beberapa langkah. Penyelidik menentukan *nodes* berdasarkan objektif kajian dan tema soalan temu bual. Sebanyak 4 *nodes* telah ditentukan oleh penyelidik seperti berikut,

Jadual 6. Nodes Analisis NVivo

| Nodes | Jumlah Sumber | Jumlah Rujukan |
|-----------------------------|---------------|----------------|
| Perkembangan positif BERSIH | 5 | 5 |
| Perkembangan negatif BERSIH | 1 | 1 |
| Faktor dalaman | 4 | 7 |
| Faktor luaran | 5 | 20 |

Sumber : Data Lapangan, 2017.

Di samping itu, analisis transkrip temu bual setiap peserta kajian turut disokong oleh bahan ilmiah dan dokumen rasmi yang berkaitan melalui analisis dokumen yang terdiri daripada artikel jurnal, buku akta, laporan dan sebagainya.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Berdasarkan hasil temu bual dan analisis yang dilakukan, kajian ini menemui beberapa faktor yang mendorongkan kedinamikan perkembangan BERSIH. Faktor perkembangan BERSIH boleh dikategorikan kepada faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman merupakan faktor kewibawaan perancangan strategi oleh pertubuhan BERSIH. Manakala faktor luaran merujuk kepada faktor yang bukan diusahakan oleh pertubuhan BERSIH. Maka faktor luaran adalah disumbangkan oleh pihak ketiga selain daripada pertubuhan BERSIH. Berdasarkan kajian ini, penyelidik mendapati bahawa faktor luaran memainkan peranan yang lebih dominan dalam perkembangan BERSIH berbanding dengan faktor dalaman.

Faktor Dalaman

Faktor dalaman yang membawa perkembangan BERSIH merupakan kelebihan yang diusahakan oleh pertubuhan BERSIH sendiri seperti pengaturan strategi yang menjurus kepada peningkatan bilangan peserta dan memperluaskan penyebaran maklumat pertubuhan BERSIH.

Antara faktor dalaman yang dikenal pasti ialah kepimpinan organisasi dan pengintegrasian organisasi.

Kepimpinan Organisasi

Perkembangan yang ditunjukkan oleh pertubuhan BERSIH boleh dikatakan disebabkan oleh pengaturan strategi yang sesuai. Menurut Ganz (2010), pengaturan strategi merupakan antara satu fungsi utama pemimpin gerakan sosial yang bertujuan untuk memobilisasikan sokongan dan sumber. Dalam konteks BERSIH, pengaturan strategi adalah dilakukan oleh barisan kepimpinan organisasi termasuk pengurus dan jawatankuasa pemandu. Pertubuhan BERSIH pernah dipimpin oleh Ambiga Sreenevasan yang memimpin penganjuran BERSIH 1.0 hingga BERSIH 3.0. Kemudian, jawatan pengurus diambil alih oleh Maria Chin Abdullah yang memimpin penganjuran BERSIH 4.0 dan BERSIH 5.0.

Dalam konteks ini, Informan Kajian B berpendapat bahawa kepimpinan dua orang pengurus, iaitu Ambiga Sreenevasan dan Maria Chin Abdullah telah membawa pertubuhan BERSIH berkembangan seperti berikut,

“...In BERSIH 2.0 obviously under Ambiga and the steering committee then. And now under the current committee under Maria there's always been a very strong leadership and also there's recognition as a leader that you are not the one person that this is your movement. And think both Ambiga and now Maria recognize that, this is a people's movement. So their entire philosophy has been, we only are there to facilitate what the people want...”

Informan kajian B mengatakan bahawa pengurus BERSIH memainkan peranan penting dalam penentuan hala tuju gerakan BERSIH. Selain itu, informan kajian B juga berpendapat bahawa pemimpin BERSIH menunjukkan usaha dalam memobilisasikan sokongan melalui menjadikan BERSIH sebagai gerakan rakyat dan menuntut pembaharuan demi kepentingan rakyat. Menurut Nepstad & Bob (2006), sokongan yang dimobilisasi oleh pemimpin gerakan sosial dapat meningkatkan pengaruh dan memperkembangkan gerakan tersebut.

Di samping itu, Informan Kajian D sebagai salah seorang jawatankuasa pemandu turut berpendapat bahawa kerjasama yang diberi oleh sekretariat BERSIH yang mendorong perkembangan BERSIH,

“...I think the internal factor is we have a sectarian and we work on these principles...”

Penyataan di atas menunjukkan bahawa organisasi BERSIH telah berada di tahap bersepdua kerana semangat kekitaan yang telah dipupuk bawah kepimpinan Ambiga Sreenevasan dan Maria Chin Abdullah dalam organisasi BERSIH seiring dengan penghargaan jawatankuasa terhadap sekretariat BERSIH. Perkara ini menunjukkan BERSIH telah mewujudkan kesepadan antara jawatankuasa pemandu dan sekretariat. Keadaan ini membolehkan pembentukan struktur yang formal dalam organisasi dan turut dapat meningkatkan kekuatan organisasi (Ganz, 2010). Hal ini kerana kepimpinan Ambiga Sreenevasan yang memimpin organisasi BERSIH sejak penubuhannya hingga tahun 2013 telah meletakkan BERSIH atas landasan perkembangan dengan memperluaskan rangkaian kerjasama dengan organisasi lain. Manakala kepimpinan Maria Chin Abdullah juga boleh dilihat sejak penglibatannya terhadap pertubuhan BERSIH sejak penubuhannya pada tahun 2006. Penglibatan beliau dalam pertubuhan

BERSIH selama 11 tahun turut mendorongkan beliau untuk merancang strategi supaya merealisasikan tuntutan BERSIH berdasarkan pengalaman sebagai aktivis BERSIH.

Pengintegrasian Organisasi

Pertubuhan BERSIH merupakan sebuah gabungan NGO yang terdiri daripada 93 organisasi. Justeru, pengaturan strategi yang dilakukan oleh BERSIH adalah menerusi NGO di bawah gabungannya yang mempunyai perwakilan daripada pelbagai kumpulan dalam masyarakat seperti yang diakui oleh Informan Kajian B,

“...That the 93 NGOs, they have because they represent such a broad section of Malaysian society they bring views from all the different areas of the country, the different racial groups, ethnic groups, religious groups, you know, different policy groups, socio economic groups, it's all in one together so when they come and sit down at a table together, it shows unity and Malaysian society...”

Kepelbagaiannya perwakilan masyarakat telah membolehkan BERSIH untuk mendengar suara rakyat yang pelbagai daripada setiap lapisan masyarakat supaya hala tuju boleh ditetapkan menerusi tuntutan rakyat. Perkara ini membolehkan BERSIH untuk menerima pandangan daripada pelbagai pihak dalam masyarakat dalam penganjuran perhimpunan awam. Walau bagaimanapun, terdapat kesukaran dalam mencapai sebulat suara dalam kalangan pemimpin NGO bawah gabungan BERSIH kerana melibatkan terlalu banyak orang dalam melakukan keputusan (Khoo. 2014b). Namun begitu, kepimpinan pertubuhan BERSIH memainkan peranan penting dalam menyatukan NGO di bawah gabungan BERSIH.

Dengan merumuskan hasil kajian ini tentang pengintegrasian organisasi, kepelbagaiannya organisasi yang terlibat dalam pertubuhan BERSIH telah membawa perkembangan kepada BERSIH kerana dapat menemui pelbagai pendapat daripada kumpulan masyarakat yang berbeza. Maka, keadaan ini juga menyebabkan kesukaran untuk melakukan sesuatu keputusan dalam gabungan tersebut. Namun begitu, keputusan akhir dilakukan berdasarkan suara majoriti dalam gabungan tersebut dan keadaan ini membolehkan pertubuhan BERSIH melakukan keputusan yang wajar selepas mempertimbangkan pendapat daripada pelbagai kumpulan masyarakat. Pengintegrasian organisasi sebanyak 93 buah NGO dalam pertubuhan BERSIH telah mewujudkan perhubungan masyarakat sivil yang kuat dalam memperlihatkan pembaharuan sistem pilihan raya.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa kepimpinan organisasi dan pengintegrasian organisasi merupakan faktor dalaman yang mendorong perkembangan BERSIH. Kepimpinan organisasi adalah penting untuk beberapa perkara , misalnya penentuan hala tuju, pengaturan strategi penganjuran perhimpunan awam serta menjalin kerjasama dengan organisasi dalam gabungan. Manakala pengintegrasian organisasi merujuk kepada kerjasama yang diwujudkan antara BERSIH dengan 93 buah NGO. Jalinan ini membolehkan BERSIH untuk mendapatkan sokongan daripada NGO yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat serta menyediakan sumber manusia kepada BERSIH dalam agenda penganjuran perhimpunan awam. Selain itu, kerjasama BERSIH dengan 93 buah NGO dapat mewujudkan rangkaian yang luas untuk memudahkan ideologi BERSIH diserap kepada pelbagai lapisan dalam masyarakat. Perkara ini turut mendorong perkembangan BERSIH.

Faktor Luaran

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat tiga faktor luaran yang menyumbang kepada perkembangan BERSIH, iaitu pembukaan ruang demokrasi, perubahan landskap politik Malaysia dan peranan media sosial sebagai wadah penyebaran maklumat.

Pembukaan Ruang Demokrasi

BERSIH ditubuhkan semasa era kepimpinan Tun Abdullah Badawi yang membawa sistem demokrasi di Malaysia menuju ke arah keterbukaan. Secara keseluruhannya, kebanyakan peserta kajian bersetuju terhadap perkembangan BERSIH adalah disebabkan oleh keterbukaan ruang demokrasi di Malaysia sejak kepimpinan Tun Abdullah Badawi.

Hujahan ini turut disokong oleh pendapat Informan Kajian F yang mengatakan bahawa pembukaan lembaran baru sistem politik ini telah mencetuskan penubuhan BERSIH dan memberi peluang kepada BERSIH untuk berusaha terhadap inisiatif mengadakan reformasi untuk penambahbaikan sistem pilihan raya di Malaysia, seperti berikut,

“...Of course the movement was started in 2007, when Abdullah Badawi. So at that time, among the civil society that is still sentiment that they have for much more space, democratic space to actually that push up this kind of initiative...”

Hujahan Informan Kajian F turut dilanjutkan oleh Informan Kajian C seperti berikut,

“...saya rasa pengakhiran rejim Tun Mahathir. Itu membawa pandangan yang berbeza dalam kalangan rakyat sebab orang yang mengambil alih daripada Tun Mahathir, Tun Badawi, dia lebih dilihat sebagai seorang yang lebih telus, lebih transparent dalam pengaruhnya. Dia membawa ataupun membenarkan sistem yang ataupun ruang untuk orang biasa, masyarakat sivil, err... politik, parti politik pembangkang untuk lebih bersuara...”

Dua informan berpendapat bahawa Tun Abdullah Badawi yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Mahathir Mohamad merupakan titik permulaan lembaran baru kepada sistem politik di Malaysia. Tun Abdullah Badawi telah menunjukkan corak kepimpinannya sebagai seorang yang lebih terbuka dan memperluaskan hak asasi seperti kebebasan bersuara terhadap rakyat Malaysia. Beberapa perkara yang dilaksanakan oleh Tun Abdullah Badawi telah menunjukkan sikap keterbukaan beliau seperti pembanterasan gejala rasuah di Malaysia melalui penubuhan Suruhanjaya Polis DiRaja (RCP) dan pembebasan Anwar Ibrahim daripada penjara (Lee, 2008). Menurut Lee (2008), tindakan pembaharuan sistem pentadbiran yang bertujuan untuk mewujudkan ketelusan pentadbiran diusahakan oleh Tun Abdullah Badawi telah menyumbang kepada keterbukaan ruang demokrasi secara tidak langsung.

Pembukaan ruang demokrasi membolehkan gerakan sosial dan rakyat memperjuangkan kepentingan sosial dalam sesebuah negara. Perkara ini jelas dilihat dalam konteks Malaysia bahawa penubuhan BERSIH pada tahun 2006 merupakan hasil daripada pembukaan ruang demokrasi selepas peralihan jawatan Perdana Menteri kepada Tun Abdullah Badawi. Corak pentadbiran Tun Abdullah Badawi yang bersifat terbuka turut membolehkan BERSIH melakukan perjuangan terhadap pembaharuan sistem pilihan raya di Malaysia.

Perubahan Landskap Politik Malaysia

Landskap politik mengalami perubahan secara ketara selepas PRU ke-12 diadakan pada tahun 2008. PRU tahun 2008 merupakan salah satu pilihan raya yang signifikan kepada sejarah politik Malaysia kerana berlakunya “tsunami politik” dengan penafian dua per tiga kerusi

majoriti oleh barisan parti pembangkang buat pertama kali. Perkara ini dikemukakan oleh Informan Kajian B seperti berikut,

“...I think one thing that helped the success and the development of the BERSIH was the political parties and the opposition. Because you saw in the 1990s and before PKR and even in 2004, there was this fractured opposition that no one had any hope in the opposition anyway...But what happened in 2008, is that the opposition was finally united. So people began to care that their vote counted...”

Beliau mengatakan bahawa kemenangan barisan parti pembangkang dalam PRU tahun 2008 telah mendorong parti-parti pembangkang bergabung untuk menjamin kepentingan politik. Justeru, PR ditubuhkan atas keahlian PKR, DAP dan PAS selepas kemenangan tersebut. perubahan landskap politik selepas PRU 2008, misalnya penafian dua per tiga kerusi parlimen oleh barisan pembangkang dan pembentukan kerajaan PR di lima buah negeri telah menunjukkan peningkatan prestasi parti pembangkang dalam sistem politik Malaysia. Informan kajian F juga memberi hujahan yang menyokong perubahan landskap politik Malaysia telah menyumbang kepada penubuhan dan perkembangan BERSIH seperti berikut,

“...I mentioned the political opportunities structure. That's basically explained that emergence and formation as well as the development of BERSIH...where by the attributed a lot in terms of political landscape order is restricted but at the same time has helps the emergence of the movement as well...”

Kekuatan politik barisan parti pembangkang telah mengakhiri politik hegemoni BN dan turut membuka ruang kepada rakyat Malaysia untuk memperlihatkan sesuatu perubahan dalam sistem politik di Malaysia. Pernyataan ini menemui persamaan dalam kajian Mujib et. al. (2011) bahawa kuasa BN untuk mendominasi politik Malaysia telah dilemahkan akibat arus perkembangan globalisasi. Justeru, kuasa dominasi politik di Malaysia telah diseimbangkan sejak PRU tahun 2008. Dalam keadaan ini, BERSIH merupakan salah satu organisasi yang berperanan untuk memastikan ketelusan pilihan raya agar persaingan antara barisan pemerintah dan barisan pembangkang adalah berada dalam keadaan yang adil dan saksama. Oleh itu, dapat dikatakan BERSIH dan autoriti lain perlu bersama-sama menjadi ‘semak dan seimbang’ bagi memastikan keadaan yang saksama kepada semua parti politik.

Media Sosial sebagai Wadah Penyebaran Maklumat

Perkembangan BERSIH seiring dengan arus perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Secara umumnya, peserta kajian bersetuju bahawa penggunaan media sosial sebagai wadah penyebaran maklumat dapat mendapatkan beberapa kelebihan, antaranya maklumat tersebut dapat disebar dengan lebih cepat dan menyeluruh. Di samping itu, cara penyebaran maklumat ini dapat mengurangkan kos untuk menyampaikan maklumat. Perkara ini selaras dengan hujahan Informan Kajian C seperti berikut,

“...perkara cepat yang di mana berita boleh disebarluaskan, media sosial sangat penting. Dulu, kami sahaja, fokus kami hanya err... berita tradisional ye, berita akhbar atau media, err... cetakan media. Sekarang, orang tidak baca lagi surat khabar ataupun orang yang baca itu memang ada, tapi berkurangan. Err... sekarang ramai yang fokus kepada media sosial...”

Pendapat Informan Kajian C disokong oleh tulisan Thompson (2011) dan Radue (2012) yang mengatakan internet memainkan peranan yang signifikan dalam penyebaran maklumat dan penarikan perhatian dalam kalangan rakyat terhadap sesuatu isu. Menurut Radue (2012), berita

yang disebarluaskan melalui internet dapat menarik perhatian yang bertahap tinggi daripada masyarakat dan kemudahan internet membolehkan perbincangan dilakukan atas talian merentasi sempadan.

Di samping itu, Informan Kajian A turut melanjutkan hujahan Informan Kajian C dengan mengemukakan pengaksesan media sosial yang luas dalam kalangan rakyat menyebabkan maklumat tidak dapat dikawal oleh kerajaan atau mana-mana pihak.

“...Kesedaran itu berlaku kerana adanya ICT, ada ICT dan teknologi maklumat mudah diakses dan disebarluaskan. Err... walaupun ada, ada cubaan untuk mengawal media massa, tetapi pada ketika ini, pada hari ini err... maklumat itu tak boleh dikawal lagi...”

Dapatkan ini menemui persamaan dengan hasil kajian Leong (2015) yang merumuskan bahawa kerajaan mengalami kesukaran dalam menyekat kepesatan maklumat dalam media baru. Menurut Leong (2015), penggunaan media baru juga dapat meningkatkan tahap penglibatan rakyat dalam sistem demokrasi di Malaysia kerana isu politik yang tercetus dapat disebarluaskan ke seluruh Malaysia dengan kadar yang cepat.

Informan Kajian F mengatakan bahawa penyebaran maklumat yang luas dengan menggunakan media sosial memainkan peranan penting untuk memberi kesedaran kepada rakyat tentang tanggungjawab dan hak asasi mereka sebagai pengundi. Hujahan beliau adalah seperti berikut,

“...So, basically that's what the civil society and opposition at that time think that : it is important to highlight to the people, also on that they have the right to vote...”

Penggunaan sosial media sebagai saluran utama penyebaran maklumat untuk menggantikan penggunaan media tradisional dapat menyampaikan maklumat secara lebih luas turut disokong oleh kajian Leong (2015) yang mengatakan penggunaan internet membolehkan peningkatan tahap penglibatan rakyat dalam proses pendemokrasi Malaysia. Selain itu, media sosial juga mempunyai kebebasan yang lebih luas berbanding dengan media tradisional dan perkara ini turut memudahkan dan mempercepatkan penyebaran maklumat (Norazleen *et. al.*, 2011). Perkara ini adalah disebabkan oleh kawalan kerajaan terhadap agenda penggunaan media aliran utama seperti surat khabar dan berita saluran televisyen. Di samping itu, Informan Kajian F juga mengemukakan bahawa kewujudan media baru seperti media sosial semakin mengugat kedudukan kerajaan. Hal ini disebabkan rakyat mempunyai kesedaran tentang keadaan politik semasa melalui media sosial.

Penggunaan media sosial sebagai wadah penyebaran maklumat merupakan salah satu elemen penting dalam menyemarakkan tahap kesedaran dalam kalangan rakyat. Hal ini penting untuk menyedarkan mereka daripada aspek hak asasi mereka dan mengetahui adakah hak mereka dicabuli. Di samping itu, wadah internet merupakan sumber utama penyebaran maklumat sebegini dengan kadar yang cepat. Perkara ini dapat meningkatkan kesedaran rakyat kerana penggunaan media sosial membolehkan perkongsian maklumat tentang isu semasa.

Dapat dirumuskan bahawa perkembangan BERSIH adalah berasaskan oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Antaranya, faktor luaran seperti pembukaan ruang demokrasi, perubahan landskap politik Malaysia dan kepesatan penyebaran maklumat melalui media sosial merupakan faktor utama yang menyumbang kepada perkembangan BERSIH. Manakala faktor dalaman, misalnya kepimpinan organisasi dan pengintegrasian organisasi juga memainkan peranan penting dalam pengaturan strategi perlaksanaan perhimpunan awam.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati perhimpunan BERSIH mengalami beberapa perkembangan yang paling ketara. Antaranya adalah peningkatan daripada bilangan peserta perhimpunan dan kaedah penganjuran perhimpunan yang semakin sistematik. Di samping itu, perhimpunan BERSIH yang dijalankan semakin tersusun dan aman dengan kerjasama peserta perhimpunan dan pihak polis. Penyelidik mendapati bahawa perkembangan BERSIH di atas adalah berasaskan oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Antaranya, faktor dalaman seperti kepimpinan organisasi dan pengintegrasian organisasi dan faktor luaran seperti pembukaan ruang demokrasi, perubahan landskap politik Malaysia dan kepesatan penyebaran maklumat melalui media sosial. Walau bagaimanapun, dapat dirumuskan bahawa faktor luaran merupakan faktor utama yang menyumbang kepada perkembangan BERSIH secara dominan. Selain itu, pengaturan strategi pertubuhan BERSIH dan NGO sokongannya juga menunjukkan kekuatan pertubuhan BERSIH untuk mengekalkan pertubuhannya selama 11 tahun yang dianggap sebagai jangka masa yang panjang dalam konteks gerakan sosial. Perkara ini juga berkaitan dengan strategi BERSIH untuk mengendalikan perhimpunan awam yang berskala besar di bandar Kuala Lumpur dengan kerjasama pertubuhan masyarakat sivil. Walau bagaimanapun, keyakinan dan sokongan rakyat merupakan faktor yang amat penting dalam perkembangan pertubuhan BERSIH selama 11 tahun. Selain itu, perhimpunan BERSIH turut meluaskan ruang demokrasi di Malaysia dengan penambahbaikan dalam sistem pilihan raya serta institusi awam. Walau bagaimanapun, perhimpunan awam yang tidak terkawal boleh mendatangkan kesan negatif kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial. Justeru, mekanisme pengawalan khususnya undang-undang perlu dikuatkuasakan secara berkesan untuk mengelakkan perhimpunan awam dimanipulasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Nota Akhir

1. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), *Women's Development Collective (WDC)* dan *Writers Alliance for Media Independence (WAMI)* adalah antara contoh organisasi tersebut.
2. Sebanyak 4003 orang terlibat dalam perhimpunan BERSIH 2.0 yang diadakan secara serentak di 38 lokasi, iaitu Wellington, Auckland, Christchurch, Brisbane, Sydney, Canberra, Hobart, Melbourne, Adelaide, Osaka, Seoul, Suzhou, Taipei, Shenzhen, Hong Kong, Perth, Singapura, Dubai, Cairo, Istanbul, Stockholm, Graz, Austria, Zurich, Geneva, Paris, London, Glasgow, Belfast, Dublin, Cork, Limerick, New York, Ottawa, Washington DC, Chicago, Los Angeles, Portland dan San Francisco.
3. Perhimpunan BERSIH 2.0 dijalankan serentak di 32 buah bandar seluruh dunia oleh *Global Bersih*. Rasional perkara ini adalah untuk menyediakan platform kepada warganegara Malaysia di luar negara untuk menyokong dan melibatkan diri dalam perhimpunan BERSIH.
4. Perhimpunan BERSIH 3.0 mendapat sokongan daripada NGO alam sekitar seperti Himpunan Hijau untuk membantah pembinaan loji syarikat Lynas di Kuantan, Malaysia.
5. Tema perhimpunan BERSIH 3.0 adalah untuk membantah tindakan kerajaan yang tidak mengimplementasikan pembaharuan sistem pilihan raya sedangkan JPKPPP telah mengeluarkan laporan penambahbaikan.
6. Kawasan tersebut termasuk Kota Kinabalu, Kuching, Kuantan, Pulau Pinang, Ipoh, Miri, Melaka dan Johor Bahru.
7. 85 lokasi penganjuran perhimpunan BERSIH 3.0 terdiri daripada 35 buah Negara, iaitu Malaysia, Singapura, Hong Kong, Jepun, Austria, Australia, Amerika Syarikat, Kanada, New Zealand, Taiwan, United Kingdom, Ireland, Switzerland, Sweden, Jerman, China,

France, Thailand, Korea, Finland, Russia, Jordan, Bangladesh, Netherlands, Indonesia, Afrika Selatan, India, United Arab Emirates (UAE), Arab Saudi, Nepal and Egypt.

Rujukan

- Avineshwaran, T. (2013, November 12). Maria Chin is new Bersih 2.0 chief. *The Star Online*. <http://www.thestar.com.my/news/nation/2013/11/12/maria-chin-is-new-bersih-chief/>. Retrieved on: 30 April 2016.
- Brown, G. K. (2004). *Civil society and social movements in an ethnically divided society: the case of Malaysia, 1981-2001*. Thesis Doktor Falsafah, University of Nottingham.
- Faridahwati Mohd. Shamsudin. 2001. Tentangan pekerja: masih relevankah ia?. *Jelapang* 2 (2) : 109 – 125.
- Freedom House. 2015. Voices in the streets : mass social protests and the right to peaceful assembly.https://freedomhouse.org/sites/default/files/03202015_updated_Freedom_of_Assembly_report.pdf. Retrieved on: 30 April 2016.
- Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil. 2006. BERSIH launch in parliament. <http://www.bersih.org/BERSIH-launches-in-parliament/>. Retrieved on: 30 April 2016.
- Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil. 2007. BERSIH 1 (10 November 2007). <https://www.bersih.org/rallies/bersih1/>. Retrieved on: 22 May 2016.
- Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil. 2011. BERSIH 2 : Walk for democracy (9 July 2011). <https://www.bersih.org/rallies/bersih2/>. Retrieved on: 22 May 2016.
- Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (2012). BERSIH 3 : Duduk bantah (28 April 2012). <https://www.bersih.org/rallies/bersih3/>. Retrieved on: 22 May 2016.
- Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (2013). BERSIH 4 (29-30 August 2015). <http://www.bersih.org/rallies/BERSIH4/>. Retrieved on: 22 May 2016.
- Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil. 2016a. Endorsing NGOs. <https://www.bersih.org/about/ngos/>. Retrieved on: 30 April 2016.
- Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (2016b). Our 8 demands. <https://www.bersih.org/about/8demands/>. Retrieved on: 30 September 2016.
- Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil. 2016. What is BERSIH 5: 5 demands for institutional reform. <http://www.bersih.org/what-is-bersih-5-5-demands-for-institutional-reform/>. Retrieved on: 25 November 2018.
- Ganz, M. (2010). Leading change: Leadership, organization, and social movements. *Handbook of leadership theory and practice*, 19.
- Ishak Saat. 2010. Caturan politik pelbagai kaum di Tanah Melayu 1946-1957. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies* 37 (2010): 68 – 85.
- Jalil Hamid (2007, November 10). Malaysia police use water cannon at Anwar rally. *Reuters*. <https://www.reuters.com/article/idINIndia-30427720071110>.
- Kaldor, M. 2003. Civil society and accountability. *Journal of Human Development* 4(1): 5-27.
- Kartini Aboo Talib @ Khalid (2012). Landskap masyarakat sivil : evolusi, politik dan pendekatan. Di dalam Haris Zuan & Rizal Hamdan (Ed.), Wacana baru politik Malaysia : perspektif ruang awam, budaya dan institusi. (pp. 1-24). Petaling Jaya : Strategic Information and Research Development Centre.
- Khoo, Y. H. 2014a. Electoral reform movement in Malaysia : emergence, protest and reform. *SUVANNABHUMI* 6(2): 85-106.
- Khoo, Y. H. 2014b. Mobilization potential and democratization processes of the Coalition for Clean and Fair Elections (BERSIH) in Malaysia : an interview with Hishamuddin Rais. *ASEAS – Austrian Journal of South-East Asian Studies* 7(1): 111-120.
- Kua, K. S. 2008. *13 Mei : Dokumen–dokumen deklasifikasi tentang rusuhan 1969 Malaysia*. Petaling Jaya : SUARAM Komunikasi.

- Lee, H. K. 2008. Malaysia in 2007 : Abdullah administration under siege. *Southeast Asia Affairs* 2008: 187-206.
- Leong, P. 2015. Political communication in Malaysia : a study on the use of new media in politics. *Journal of Democracy (JeDEM)* 7(1): 46-71.
- Mazlee Malik (2014). Islamic movement and human rights: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia's involvement in the "Abolish Internal Security Act Movement," 2000-2012. *Intellectual Discourse*, 22(2), 139-165.
- Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj. Hussin, & Badrul Azmier Mohamed@Bakar (2011). Perubahan generasi dan perkembangan demokrasi di Malaysia pasca PRU ke-12. Dalam *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) "Political Managements and Policies in Malaysia"* (pp. 411-442). Sintok : Universiti Utara Malaysia.
- Nepstad, S., & Bob, C. (2006). When do leaders matter? Hypotheses on leadership dynamics in social movements. *Mobilization: An International Quarterly*, 11(1), 1-22.
- Niluksi Koswanage & Razak Ahmad (2011, Julai 9). Over 1,400 arrested, tear gas fired in Malaysia protest. *Reuters*. <https://www.reuters.com/article/us-malaysia-protest/over-1400-arrested-tear-gas-fired-in-malaysia-protest-idUSTRE7680B720110709>.
- Postill, J. 2014. A critical history of internet activism and sosial protest in Malaysia, 1998-2011. *Asiascape: Digital Asia Journal* 1(2): 78-103.
- Radue, M. 2012. The internet's role in the BERSIH movement in Malaysia : A case study. *International Review of Information Ethics* 18: 60-70.
- Riduan Mohamad Nor 2012. *Sejarah gerakan mahasiswa dalam cerminan dekad*. Kuala Lumpur : JUNDI Resources.
- Saifuddin Abdullah (2009). Kalau saya mahasiswa. http://www.saifuddinabdullah.com.my/ebook/kalau_saya_mahasiswa_2.pdf. Retrieved on: 25 November 2018.
- Smeltzer, S. , & Paré, D. J. 2015. Challenging electoral authoritarianism in Malaysia : the embodied politics of the BERSIH movement. *A Journal for and about Social Movements* 7(2): 120 – 144.
- Tan, S. L. (2016, Oktober 1). Pelancaran Konvoi Bersih 5 di Lumut bertukar kecoh. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelancaran-konvoi-bersih-5-di-lumut-bertukar-kecoh-118160>.
- Tear gas, water cannons fired at Bersih protesters (2012, April 28). *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/196320>. Retrieved on: 25 November 2018.
- Thompson, R. (2011). Radicalization and the Use of Social Media. *Journal of Strategic Security*, 4(4), 167-190.
- Vejai Balasubramaniam. 1997. Nasionalisme dalam Pembentukan Sebuah Negara Persekutuan: Wacana Teoretikal Berdasarkan Pengalaman Malaysia. *Akademika* 51(1): 23 – 51.
- Weiss, M. L. 2005. Still with the people? The chequered path of student activism in Malaysia. *South East Asia Research* 13(3): 287-332.
- Weiss, M.L. 2009. Edging toward a new politics in Malaysia: Civil society at the gate?. *Asian Survey* 49(5): 741 – 758.
- Wong, A. (2016, Oktober 1). BERSIH 5 dakwa konvoi Lumut diganggu penunggang baju merah. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/357558>.
- Yoon, M. 2012. The evolution of BERSIH. Di dalam Oon Yeoh (Ed.), *Clean sweep : the global triumph of BERSIH 3.0*. Petaling Jaya : Strategic Information and Research Development Centre.
- Zawiyah Mohd Zain & Mohammad Agus Yusoff. 2015. Civil disobedience during Reformation Era. Paper presented on the *International Conference on Social Sciences & Humanities (ICOSH-UKM2012)*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.